


Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 JANUARY 2017


PEMUDA PAS OPTIMIS KERJASAMA DENGAN PPBM

Tindak-tanduk Dr M halang kerjasama

BH-13/1/2017


PPBM perlu sokongan PAS raih undi orang Melayu

Oleh Nazura Ngah
 nazura_ngah@bh.com.my


Kuala Lumpur

Kerjasama Dewan Pemuda PAS dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) tidak akan berjaya kerana hasrat itu tidak sehaluan dengan pendirian pimpinan tertinggi PAS yang tidak berpuas hati dengan peneraju PPBM.

Faktor paling kukuh adalah kerana tindak-tanduk Pengerusi PPBM, Tun Dr Mahathir Mohamad yang sering memperlekehkan PAS dan institusi ulama.

Penganalisis politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ainul Adzelle Hasnul, berkata kenyataan Ketua Penerangan Dewan Pemuda PAS, Ahmad Fadhlil Shaari kelmarin yang optimis dalam isu kerjasama di antara sayap itu dengan PPBM mungkin disebabkan faktor ketua pergerakan itu sendiri.

“Mungkin Ketua Pemuda PAS, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas dianggap tidak sekuat kepimpinan dewan itu sebelum ini. Namun jika kita lihat pergerakan pemuda Armada PPBM pun masih cukup mentah dalam politik tanah air.

PPBM cari rakan baharu

“Dalam aspek ini, Pemuda PAS perlu sedar PPBM yang sebenarnya berusaha mencari rakan baharu kerana Parti Amanah Negara tiada pengaruh sekuat PAS dan UMNO. PPBM seolah-olah tergesa-gesa untuk bekerjasama kerana tahu hanya PAS ada pengaruh dalam ka-



Ainul Adzelle Hasnul

langan orang Melayu, selain UMNO,” katanya semalam.

Kelmarin, Ahmad Fadhlil dilaporkan berkata, Dr Mahathir bukan lagi faktor penting dalam politik, malah berpendapat apa juga kenyataan dikeluarkan bekas Perdana Menteri itu boleh dinilai sendiri oleh masyarakat, sama ada relevan atau sebaliknya.

Parti baharu

Ainul Adzelle berkata, sebagai parti baharu, PBBM umpama bayi yang memerlukan tempat menumpang teduh, sedangkan PAS sudah wujud sejak 1951 lagi dan mempunyai penyokong teras dari kalangan masyarakat Melayu.

“PBBM dianggap parti *old guard* (sama seperti Kaum Tua) dan perlukan pakatan dengan parti yang mempunyai penyokong teras orang Melayu.

“Tetapi, saya percaya Dr Mahathir bukan pemimpin idola PAS kerana pernah menghina Nabi Muhammad SAW sebagai jumud.

“Dr Mahathir dikategorikan pemimpin *benevolent dictator* (diktator baik hati) ketika era beliau (jadi Perdana Menteri), namun kini menunjukkan ciri sebenar sebagai pemimpin autokratik.

“Apa pun, saya lihat kehadiran PPBM langsung tidak memberi impak kepada kekuatan PAS,” katanya.

Katanya, perkembangan politik ketika ini menyaksikan kecenderungan PAS melihat kerjasama dengan UMNO lebih menguntungkan, malah kerjasama di antara kedua-dua parti itu pernah terjalin sebelum ini pada 1974.

“PPBM terdesak kerana muktakhir ini PAS dan UMNO mula kelihatan ‘intim’. Contoh jelas ketika Himpunan Solidariti Ummah Untuk Rohingya.

“PPBM turut kluatir Himpunan 355 (perhimpunan aman menyokong Akta 355) pada 18 Februari ini akan jadi titik tolak penyatuan umat Islam di negara ini,” katanya.